Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001918
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1918

Strategi *Think Pair Share* dalam Mata Pelajaran Sejarah

(Think Pair Share Strategy in History Subject)

M. Kaviza[1*], Che Saodah Ibrahim[2], Nasimah Che Noh[3]

[1]SMK Tengku Suleiman, Beseri, 02400 Perlis, Malaysia.
Email: kavizakaviza@yahoo.com
[2]SMK Tengku Suleiman, Beseri, 02400 Perlis, Malaysia.
Email: chenoh69@gmail.com
[3]SMK Tengku Suleiman, Beseri, 02400 Perlis, Malaysia.
Email: chesaodah70@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
M. Kaviza
(kavizakaviza@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Strategi Think Pair Share
Penulisan
Minat belajar
Kajian tindakan
Mata pelajaran sejarah

KEYWORDS:
Think Pair Share strategy
Essay writing
Learning interest
Action research
History subject

CITATION:
M. Kaviza, Che Saodah Ibrahim, & Nasimah Che Noh. (2022). Strategi *Think Pair Share* dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(7), e001918. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1918

ABSTRAK

Penguasaan penulisan esei dan membentuk minat belajar yang baik merupakan masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran sejarah. Justeru, kajian tindakan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada aktiviti pembelajaran berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan penguasaan penulisan esei, minat belajar dan pencapaian sejarah dalam kalangan murid. Kajian tindakan ini berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart (1988). Instrumen kajian ialah ujian penulisan esei dan pencapaian, soal selidik minat belajar serta temu bual tidak berstruktur. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor penguasaan penulisan esei pada tahap cukup efektif bagi murid pencapaian lemah dan sederhana, manakala tahap efektif bagi murid pencapaian cemerlang. Minat belajar berada pada tahap tinggi bagi murid pencapaian lemah dan cemerlang manakala tahap sangat tinggi bagi murid pencapaian sederhana. Tambahan pula, pencapaian sejarah meningkat antara ujian pra dan pasca serta persepsi penerimaan murid adalah baik. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan strategi *Think Pair Share* adalah berkesan dalam mata pelajaran sejarah.

ABSTRACT

The mastery of essay writing and develop a good learning interest is obstacle faced in learning history. Thus, the action research aims to identify whether the activities based Think Pair Share strategy can increase mastery of essay writing, learning interest and achievement among students. This action research is based on Kemmis and McTaggart (1988) model. This research instruments is an essay writing and achievement test, questionnaire and unstructured interview. The result have shown that there is an improvement score at a fairly effective level for low and average-achieving students and at effective level for good-achieving students for essay writting. Learning interest also at a high level for low and good-achieving

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

students and very high level for average-achieving students. Futhermore, history achievement also increased between pre-posttest as well as the student acceptance perceptions also positive. The implementation of history learning activities based Think Pair Share strategy is effective in history subject.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menjelaskan tentang pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dalam mata pelajaran sejarah melalui kajian tindakan dalam meningkatkan penguasaan penulisan esei, minat belajar serta pencapaian.

1. Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Kurikulum mata pelajaran sejarah sekolah menengah dilaksanakan secara bersepadu yang merangkumi aspek kandungan pengetahuan, Kemahiran Pemikiran Sejarah dan elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2018). Oleh kerana kandungan KSSM mata pelajaran Sejarah adalah berbentuk kronologi yang membincangkan perihal kehidupan masyarakat dan negara daripada aspek politik, ekonomi dan sosial, maka peristiwa sejarah telah disusun secara kronologi bagi membolehkan murid dapat memahami proses perkembangan masyarakat dan negara serta dapat menumpukan kepada pemahaman yang menyeluruh tentang pembinaan negara bangsa Malaysia yang bermula dari Zaman Prasejarah hingga kini. Selain itu, murid juga dapat membuat perbandingan peradaban yang dicapai oleh negara luar agar mereka mampu bersaing di peringkat global (PPK, 2018).

Sehubungan dengan itu, adalah tidak dinafikan bahawa mata pelajaran sejarah merupakan satu disiplin ilmu yang dinamik yang mempunyai teras struktur disiplin yang sistematik yang terdiri daripada elemen inkuiri sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran sejarah, penjelasan sejarah, pemahaman sejarah dan empati dalam proses mencari kebenaran tentang masa lalu. Justeru, kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang menekankan kepada pembelajaran secara mendalam, berpusatkan murid, membentuk penglibatan aktif serta peningkatan kompetensi murid dalam pengaplikasian pengetahuan, kemahiran dan nilai perlu dilaksanakan agar proses pembelajaran sepanjang dan matlamat aspirasi negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dapat direalisasikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; PPK, 2018).

1.1. Refleksi Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan yang Lalu

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lepas, masalah yang dikenal pasti ialah murid lemah dalam menulis esei. Murid tidak berupaya menghuraikan berdasarkan fakta dan huraian berserta contoh. Jawapan murid juga tidak lengkap dan terlalu pendek antara satu hingga tiga patah perkataan sahaja dan tidak ada kesinambungan dalam penulisan. Murid juga didapati tidak dapat membezakan antara fakta dan huraian yang menyebabkan penjelasan mereka tergantung dan tidak kesinambungan semasa menjawab soalan esei. Terdapat juga segelintir murid yang tidak menjawab langsung bahagian C iaitu bahagian esei. Perkara

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ini dapat dibuktikan berdasarkan analisis kekerapan item yang dijawab oleh murid dalam ujian awal tahun yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji mendapati hanya 30 peratus murid sahaja yang menjawab bahagian C walaupun markah keseluruhannya yang diperuntukkan ialah 60 markah untuk bahagian tersebut yang telah menyebabkan berlaku kemerosotan pencapaian sejarah dalam peperiksaan. Kelemahan murid dalam aspek penulisan esei dalam mata pelajaran sejarah turut diutarakan dalam kajian Yong dan Faridah (2020) dan kajian Hishamudin (2022) yang telah menyarankan terdapat satu keperluan kepada guru-guru sejarah untuk merancang, dan melaksanakan suatu strategi pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan penguasaan penulisan esei yang mantap dalam kalangan murid secara berterusan. Sungguhpun begitu, adalah tidak dinafikan juga masalah penulisan esei turut diketengahkan dalam disiplin ilmu-ilmu yang lain, khususnya yang melibatkan bidang bahasa (Hasnah, 2016; Nora Azian, 2020; Low & Faridah, 2022; Yamirudeng & Osman, 2018).

Selain itu, pembentukan minat belajar yang baik dan berterusan dalam kalangan murid juga antara masalah yang turut dihadapi oleh pengkaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Murid-murid didapati tidak berminat dan bersemangat untuk menguasai kandungan ilmu pengetahuan sejarah, sentiasa pasif dan kurang berinteraksi semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan yang menyebabkan proses pembelajaran menjadi hambar, bosan dan tidak menarik yang akhirnya berubah menjadi pendekatan berpusatkan guru yang bersifat sehala. Situasi tersebut telah menjadi penghalang kepada guru sejarah dalam mengaplikasikan penyepaduan antara elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai secara berterusan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan seperti yang disarankan dalam kurikulum KSSM (PPK, 2018). Adalah diakui bahawa murid-murid yang dapat melibatkan diri secara aktif semasa proses pembelajaran adalah berupaya untuk mewujudkan suatu proses pembelajaran yang amat bermakna dan menarik yang seterusnya dapat mencapai matlamat pembelajaran dan prestasi akademik cemerlang yang dihasratkan (Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz, 2008; Mok, 2008). Rentetan daripada itu, Suppiah et al (2008) turut menjelaskan bahawa pemupukan dorongan dan minat belajar secara intrinsik iaitu proses dalaman diri murid adalah sangat penting dan perlu dibentuk secara berterusan semasa proses pembelajaran. Hal ini demikian kerana proses dalaman didapati mempengaruhi pembentukan sikap dan perubahan tingkah laku belajar yang lebih positif yang memberi kepuasan dalam kalangan murid.

1.2. Fokus Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk mengatasi masalah murid yang lemah dalam penulisan esei sejarah dan membentuk minat yang tinggi agar pencapaian sejarah dapat dipertingkatkan dalam kalangan murid. Justeru, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk merancang, mengolah dan melaksanakan suatu strategi pengajaran dan pembelajaran sebagai alternatif kepada penambahbaikan kepada strategi pengajaran sedia ada dan sebagai jalan penyelesaian dalam mengatasi masalah yang dihadapi agar dapat menimbulkan suasana proses pembelajaran yang menarik dan bermakna selaras dengan saranan dalam kurikulum KSSM yang menekankan pelaksanaan strategi pembelajaran abad ke-21 secara berkesan (PPK, 2018). Maka, pelaksanaan strategi *Think Pair Share* yang merupakan salah satu strategi dalam model pembelajaran koperatif telah dibuktikan memberi impak positif dalam proses pembelajaran iaitu dari segi pencapaian akademik (*academic achievement*), tolak ansur dan penerimaan kepelbagaian (*tolenrance and acceptance of diversity*) dan kemahiran sosial (*social skills*) (Slavin, 1995; Arends, 2007) telah dirancang dan dilaksanakan dalam kajian ini bagi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengatasi yang dihadapi. Hal ini demikian kerana strategi *Think Pair Share* yang telah diasaskan oleh Frank Lyman pada tahun 1981 telah dipratikkan secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu dan berkesan dalam proses pembelajaran. Adalah diakui bahawa strategi *Think Pair Share* merupakan strategi pembelajaran yang berpusatkan murid yang memberi peluang kepada murid untuk berfikir, berbincang dan berkongsi pengetahuan, maklumat idea, pendapat dan sebagainya di dalam kelas yang melibatkan perbezaan individu dalam proses pembelajaran sama ada dari aspek kognitif, pencapaian, kecerdasan, gaya belajar dan sebagainya (Lyman, 1981). Maka, tujuan kajian ini ialah mengenal pasti sama ada pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan penguasaan penulisan esei sejarah, minat belajar sejarah dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang.

1.3. Objektif dan Soalan Kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengenal pasti sama ada pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan skor peningkatan (*N Gain Score*) penguasaan penulisan esei sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang
ii. Mengenal pasti tahap minat belajar sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang yang yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah melalui strategi *Think Pair Share*
iii. Mengenal pasti sama ada pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan min skor pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?
iv. Meneroka persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang.

Persoalan kajian:

i. Adakah pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan skor peningkatan (*N Gain Score*) penguasaan penulisan esei sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?
ii. Apakah tahap minat belajar sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah melalui strategi *Think Pair Share?*
iii. Adakah pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan min skor pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?


iv. Apakah persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?

2. Metod Kajian

2.1. Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tindakan. Kajian tindakan merupakan satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya (McNiff, 1988; Hashimah, 2012; Rosinah Edinin, 2011). Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan Model Kajian Tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart (1988) yang telah menggariskan empat fasa penyelidikan iaitu fasa penyediaan pelan tindakan, fasa bertindak mengikut pelan, fasa mengumpul dan menganalisis data dan fasa membuat refleksi seperti ditunjukkan pada Rajah 1.

Rajah 1: Model Kemmis dan McTaggart, (1988)



2.2. Sampel kajian

Sampel kajian ini merupakan murid Tingkatan 5 yang telah ditentukan berdasarkan teknik pensampelan bertujuan dan dikelompokkan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan murid pencapaian sejarah lemah (murid yang gred E dan F), kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana (murid mendapat gred C dan D) dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang (murid yang mendapat gred A dan B) dalam ujian awal tahun dan pengagihan tersebut dilakukan berdasarkan pembahagian yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

2.3. Instrumen kajian

Instrumen kajian ini ialah:

i. Ujian penulisan esei sejarah (item subjektif) dan ujian pencapaian sejarah (item objektif) telah dibina. Instrumen tersebut telah melalui proses kesahan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan mempunyai nilai indeks kesukaran, indeks diskriminasi serta nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* 0.87 bagi ujian penulisan esei dan nilai *Kuder Richardson* 0.89 yang dianggap baik dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994). Analisis dokumen iaitu penyemakan skrip esei berdasarkan rubrik pemarkahan telah dilakukan.

ii. Soal selidik minat belajar diadaptasi yang telah disahkan kesahannya serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* 0.81 yang dianggap baik dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994).

iii. Temubual tidak berstruktur telah digunakan bagi mendapatkan persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share*.

2.4. Prosedur Kajian

Penyelidikan dijalankan mengikut Model Kemmis dan Mc Taggart, (1998) yang terdiri daripada empat fasa perkembangan iaitu:

2.4.1. Tinjauan awal

Pengkaji telah menjalankan tinjauan awal tentang masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berdasarkan pengalaman pengkaji, temu bual secara tidak berstruktur antara guru dan murid serta pemerhatian situasi proses pengajaran dan pembelajaran sejarah sedia ada di dalam kelas.

2.4.2. Merancang

Pengkaji dan guru sejarah telah merancang aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* bagi mengatasi masalah yang timbul. Pengkaji memilih topik Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita sebagai ulang kaji topik Tingkatan 4 disebabkan murid lemah dalam penguasaan topik tingkatan 4 yang dikenal pasti melalui pemerhatian dan perbincangan dengan guru dan murid. Perancangan aktiviti pembelajaran telah dilakukan. Sebelum kajian bermula, ujian pra dijalankan bagi mengenal pasti penguasaan sedia ada murid sebelum pengukuran dilakukan.

2.4.3. Pelaksanaan

Tempoh pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* adalah selama lapan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tambahan yang diadakan oleh pihak sekolah. Terdapat tiga langkah utama yang disarankan dalam strategi *Think Pair Share* seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Ujian pasca dijalankan selepas tamat sesi aktiviti pembelajaran.

Jadual 1: Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Sejarah Berasaskan Strategi *Think Pair Share*

Strategi Think Pair Share	
Langkah 1	Think: Guru memberikan soalan berkaitan subtopik dan meminta murid berfikir terhadap jawapan tersebut
Langkah 2	Pair: Guru meminta murid berpasangan dengan rakan serta berbincang jawapan bagi soalan yang dikemukakan. Murid berkongsi jawapan sesama mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Langkah 3	Share: Guru meminta pasangan murid tersebut untuk berkongsikan jawapan mereka kepada semua murid di dalam kelas.

2.4.4. Refleksi

Keputusan daripada ujian pra dan ujian pasca telah digunakan untuk menentukan peningkatan penguasaan penulisan dan pencapaian, soal selidik digunakan untuk mendapatkan tahap minat belajar manakala temu bual tidak berstruktur digunakan untuk mendapatkan persepsi penerimaaan murid terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share.*

2.5. Penganalisaan Data Kajian

Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *IBM SPSS*. Prosedur pengiraan skor peningkatan (*N Gain Score*) ialah

$$N\ Gain\ Score = \frac{\text{Skor ujian pasca} - \text{skor ujian pra}}{100\ \% - \text{skor ujian pra}}$$

Interpretasi kategori tafsiran keberkesanan pengiraan skor peningkatan (*N Gain Score*) dalam kajian ini adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian Hake (1999) seperti ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Tahap Min bagi Skor Peningkatan (*N Gain Score*)

Min	Tahap
< 40	Tidak efektif
40 - 55	Kurang efektif
56 - 75	Cukup efektif
>76	Efektif

Sumber: Adaptasi daripada Hake (1999)

Tahap minat belajar dalam kajian ini telah ditentukan berdasarkan tiga tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi yang diadaptasi daripada kajian Tschamen-Moran dan Gareis (2004) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Tahap Min

Min	Tahap
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Tschamen-Moran dan Gareis (2004)

3. Dapatan Kajian

3.1. Adakah pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan skor peningkatan (*N Gain Score*) penguasaan penulisan esei sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?

3.1.1. Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Lemah

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor antara skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah dengan nilai skor peningkatan (*N-Gain Score*) sebanyak 66.51 peratus iaitu pada tahap efektif. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan skor penguasaan penulisan esei sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah dengan tahap cukup efektif dalam kajian ini.

Jadual 4: Skor Penguasaan Penulisan Esei Sejarah bagi Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Lemah

	Ujian Pra (100 %)	**Ujian Pasca (100 %)**	**Perbandingan Pencapaian**	**Skor Peningkatan (N-Gain Score)**
Murid 1	7	66	Meningkat	63.44
Murid 2	8	70	Meningkat	67.39
Murid 3	2	69	Meningkat	68.37
Murid 4	7	61	Meningkat	58.06
Murid 5	3	68	Meningkat	67.01
Murid 6	5	67	Meningkat	65.26
Murid 7	3	76	Meningkat	75.26
Murid 8	5	66	Meningkat	64.21
Murid 9	5	70	Meningkat	68.42
Murid 10	1	68	Meningkat	67.68
			Jumlah	66.51

3.1.2. Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Sederhana

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor antara skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dengan nilai skor peningkatan (*N-Gain Score*) sebanyak 71.28 peratus iaitu berada pada tahap efektif. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan skor penguasaan penulisan esei sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dengan tahap cukup efektif dalam kajian ini.

Jadual 5: Skor Penguasaan Penulisan Esei Sejarah bagi Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Sederhana

	Ujian Pra (100 %)	**Ujian Pasca (100 %)**	**Perbandingan Pencapaian**	**Skor Peningkatan (N-Gain Score)**
Murid 1	5	70	Meningkat	68.42
Murid 2	6	64	Meningkat	61.70
Murid 3	3	64	Meningkat	62.89
Murid 4	12	77	Meningkat	73.86

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Murid 5	6	75	Meningkat	73.40
Murid 6	10	75	Meningkat	72.22
Murid 7	3	76	Meningkat	75.26
Murid 8	7	75	Meningkat	73.12
Murid 9	4	75	Meningkat	73.96
Murid 10	7	75	Meningkat	73.12
Murid 11	12	79	Meningkat	76.14
			Jumlah	71.28

3.1.3. Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Cemerlang

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor antara skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang dengan nilai skor peningkatan (*N-Gain Score*) sebanyak 84.03 peratus iaitu berada pada tahap sangat efektif. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan skor penguasaan penulisan esei sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang dengan tahap efektif dalam kajian ini.

Jadual 6: Skor Penguasaan Penulisan Esei Sejarah bagi Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Cemerlang

	Ujian Pra (100 %)	**Ujian Pasca (100 %)**	**Perbandingan Pencapaian**	**Skor Peningkatan (N-Gain Score)**
Murid 1	14	87	Meningkat	84.88
Murid 2	23	87	Meningkat	83.12
Murid 3	28	89	Meningkat	84.72
Murid 4	24	89	Meningkat	85.53
Murid 5	29	87	Meningkat	81.69
Murid 6	24	89	Meningkat	85.53
Murid 7	13	85	Meningkat	82.76
			Jumlah	84.03

3.2. Apakah tahap minat belajar sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang yang yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah melalui strategi *Think Pair Share?*

Berdasarkan Jadual 7, tahap minat belajar sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang adalah berada pada tahap tinggi berbanding dengan kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana yang berada pada tahap sangat tinggi dalam kajian ini.

Jadual 7: Min dan Tahap Minat Belajar bagi kumpulan Murid Pencapaian Lemah, Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Sederhana dan Kumpulan Murid Pencapaian sejarah Cemerlang

	MInat Belajar		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Murid Lemah (*N*=10)	3.64	0.77	Tinggi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Murid Sederhana (*N*=11)	4.39	0.83	Sangat tinggi
Murid Cemerlang (*N*=7)	3.98	0.48	Tinggi


Sungguhpun begitu, min minat belajar adalah lebih tinggi bagi kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana (*M*=4.39, *SD*=0.83) berbanding dengan kumpulan murid pencapaian sejarah lemah (*M*=3.64, *SD*=0.77) dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang (*M*=3.98, *SD*=0.48). Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap minat belajar sejarah bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang berada pada tahap tinggi manakala tahap sangat tinggi bagi kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah melalui strategi *Think Pair Share* dalam kajian ini.

3.3. Adakah pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat meningkatkan min skor pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?

3.3.1. Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Lemah

Berdasarkan Jadual 8 dan Graf 1, min skor pencapaian sejarah bagi ujian pasca (*M*=31.29, *SD*=24.66) adalah lebih tinggi berbanding dengan min ujian pra (*M*=19.14, *SD*=16.92) dengan peningkatan min sebanyak 12.15 bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min skor bagi pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian lemah yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dalam kajian ini.

Graf 1: Pencapaian Sejarah dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Lemah



3.3.2. Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Sederhana

Berdasarkan Jadual 8 dan Graf 2, min skor pencapaian sejarah bagi ujian pasca (*M*=20.55, *SD*=13.65) adalah lebih tinggi berbanding dengan min ujian pra (*M*=14.09, *SD*=9.92) dengan peningkatan min sebanyak 6.46 bagi kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min skor bagi pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pencapaian sederhana yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dalam kajian ini.

Jadual 8: Min Skor Pencapaian Sejarah dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

	Ujian Pra		Ujian Pasca		Perbezaan Ujian Pra – Ujian Pasca
	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SD*)	Min (*M*)	Sisihan Piawai (*SD*)	
Murid Lemah (*N*=10)	19.14	16.92	31.29	24.66	-12.15
Murid Sederhana (*N*=11)	14.09	9.92	20.55	13.65	-6.46
Murid Cemerlang (*N*=7)	42.86	13.65	69.30	10.23	-26.44

Graf 2: Pencapaian Sejarah dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Sederhana




3.3.3. Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Cemerlang

Berdasarkan Jadual 8 dan Graf 3, min skor pencapaian sejarah bagi ujian pasca (*M*=69.30, *SD*=10.23) adalah lebih tinggi berbanding dengan min ujian pra (*M*=42.86, *SD*=13.65) dengan peningkatan min sebanyak 26.44 bagi kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min skor bagi pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid pencapaian cemerlang yang mengikuti aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dalam kajian ini.

Graf 3: Pencapaian Sejarah dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Murid Pencapaian Sejarah Cemerlang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).



Justeru, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya terdapat peningkatan pencapaian sejarah antara ujian pra dan ujian pasca yang baik dan berkesan bagi ketiga-tiga kumpulan murid iaitu kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang dalam kajian ini.

3.4. Apakah persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang?

Berdasarkan analisis transkrip temu bual tidak berstruktur, ketiga-tiga kumpulan murid dalam kajian ini sama ada kumpulan murid pencapaian lemah, kumpulan murid pencapaian sederhana dan kumpulan murid pencapaian cemerlang telah memberi reaksi positif terhadap aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share.* Murid-murid telah menyatakan bahawa mereka lebih berfokus dan tidak mengantuk semasa sesi pembelajaran tersebut. Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan berikut:

> Responden 1 dari kumpulan murid pencapaian sederhana: "….menjadikan kami tidak mengantuk semasa kelas lewat petang"
>
> Responden 6 dari kumpulan murid pencapaian cemerlang: "…….tidak mengantuk dan lebih mudah tumpu dalam kelas.

Tambahan pula, murid-murid juga telah menjelaskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* merupakan kaedah pengajaran yang memudahkan mereka untuk memahami kandungan pembelajaran dan dapat menjawab soalan penulisan esei dalam peperiksaan dengan baik. Perkara ini telah diutarakan oleh murid dengan pernyataan berikut:

> Responden 2 dari kumpulan murid pencapaian cemerlang: "……pengajaran teacher sangat berkesan dan telah banyak bantu saya untuk menjawab peperiksaan pertengahan tahun ini.
>
> Responden 3 dari kumpulan murid pencapaian sederhana: "….. kaedah bantu saya mengingati dan memahami pembelajaran.
>
> Responden 4 dari kumpulan murid pencapaian lemah: "……aktiviti menarik dan memudahkan faham ilmu sejarah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> Responden 5 dari kumpulan murid pencapaian sederhana: "….. mudah memahami cara menjawab esei"

Justeru, dapat dirumuskan bahawa persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dalam kalangan murid iaitu bagi kumpulan murid pencapaian sejarah lemah, kumpulan murid pencapaian sejarah sederhana dan kumpulan murid pencapaian sejarah cemerlang adalah baik dan positif. Hal ini disebabkan oleh murid-murid dapat menguasai dan memahami kandungan topik pembelajaran dengan mendalam melalui strategi *Think Pair Share* yang dapat membantu mereka menjawab soalan penulisan esei dengan lebih baik yang akhirnya dapat meningkatkan minat belajar serta seterusnya dapat meningkatkan pencapaian sejarah mereka secara keseluruhannya.

4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* merupakan salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berkesan yang boleh dilaksanakan di peringkat sekolah untuk meningkatkan penguasaan penulisan esei, minat belajar dan pencapaian sejarah dalam kalangan murid. Peningkatan penguasaan penulisan, minat dan pencapaian sejarah yang baik bagi murid pencapaian sejarah lemah, murid pencapaian sejarah sederhana dan murid pencapaian sejarah cemerlang dalam kajian tindakan ini adalah sealiran dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti kajian Low dan Faridah (2022), kajian Fathin Amirah, Jabaidah dan Masitah (2022), kajian Hamid Marashi (2019), kajian Abdurrahman Usman (2015), dapatan kajian Phan dan Do (2021), kajian Devi Atika Sari, Dessy Wardiah dan Siti Rkiyah (2022) dan kajian Ridha Riana dan Husaini (2022) yang membuktikan bahawa pelaksanaan strategi *Think Pair Share* dalam proses pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, kemahiran bertutur, motivasi, penglibatan murid, penyertaan murid, dan pencapaian yang berkesan. Natijahnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada guru-guru sejarah untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* bagi menjana peningkatan yang baik dalam proses pembelajaran murid sejarah iaitu dari aspek penulisan, minat dan pencapaian. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* adalah berlandaskan kepada Teori Konstruktivisme Sosial Vygostky (Vygostky, 1978) yang menekankan perkembangan kognitif kendiri murid melalui proses interaksi sosial iaitu murid-murid dapat mengkonstruk, membina, menguasai serta memahami suatu ilmu pengetahuan baharu dengan bantuan rakan sebaya dan guru. Hal ini demikian kerana pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* dapat menggalakkan murid membina dan meneroka sendiri pengetahuan sejarah secara aktif di samping menyesuaikannya dengan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan yang sedia ada melalui proses interaksi dan belajar seperti yang disarankan dalam kurikulum sejarah iaitu penekanan kepada pelaksanaan strategi pembelajaran mendalam secara aktif yang berpusatkan murid (PPK, 2018). Justeru, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* adalah berkesan dalam meningkatkan penguasaan penulisan esei, minat belajar dan pencapaian sejarah bagi murid pencapaian sejarah lemah, murid pencapaian sejarah sederhana dan murid pencapaian sejarah cemerlang.

5. Cadangan Kajian Lanjutan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pelaksanaan aktiviti pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* perlu diteruskan pada masa hadapan sebagai salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran bagi murid Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima serta diperluaskan dalam semua topik–topik pembelajaran yang lain dalam mata pelajaran Sejarah. Tambahan pula, adalah dicadangkan agar pelaksanaan pembelajaran sejarah berasaskan strategi *Think Pair Share* perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali selepas tamatnya setiap topik pembelajaran bagi memastikan penguasaan penulisan esei sejarah dapat dimantapkan serta mengekalkan minat belajar secara berterusan dalam kalangan murid.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dalam sorotan literatur ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdurrahman Usman (2015). Using Think Pair Share Strategy to Improve Speaking Ability at Stain Ternate. *Jurnal of Education and Practice, 6(10*), 37 – 45.

Arends, R.I. (2007). *Learning to teach (7th ed).* New York: McGraw Hiil

Devi Atika Sari, Dessy Wardiah & Siti Rukiyah (2022). Pengaruh Model Pembelajaran Think Pair Share (TPS) dalam menulis puisi pada siswa Kelas X SMK PGRI Palembang. *Jurnal Pendidikan dan Konseling, 4*(5), 6108 – 6115.

Fathin Amirah Ismail, Jabaidah Bungsu, & Masitah Shahrill (2022). Improving Improving Students' Participation and Performance in Building Quantities through Think-Pair-Share Cooperative Learning. *Indonesian Journal of Educational Research and Techonology, 3*(3), 203-216.

Hake, R.R. (1999). *Analysing Change and Gain Score*. Woodland Hills Dept of Physis: Indiana University

Hamid Marasih (2019). Student Teams Achievement Divisions and Think pair Share: Which works better for listening? *International Journal of Foreign Language Teaching & Research, 7*(26), 27 -40.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hashimah Mohd Yunus. (2012). *Kajian Tindakan dalam Bilik Darjah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Hasnah Mohamed (2016). Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan track changes. *Malaysian Journal of Learning Instruction, 13*, 135 – 139.

Hishamudin Ibrahim (2022). Meningkatkan kemahiran menulis esei sejarah STPM di kalangan pelajar Semester 1, SABS melalui Gampang Bermadu 2, 3.0. *Jurnal Dunia Pendidikan, 4*(2), 69-82.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kemmis, S & McTaggart, R. (1988). *The action Research Planner*. Victoria Australia: Deakin University.

Yamirudeng, K & Osman, Z. (2018). PembangunanModul Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Elektif Berdasarkan Pendekatan Pengajaran secara Kontekstual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 6*(1), 74 – 117.

Low, H. S. & Faridah Mydin Kutty. (2022). Keberkesanan Think-Pair-Share Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia Sekolah SJK(C). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(5), e001517.

Lyman, F. T. (1981). The Responsive Classroom Discussion: The Inclusion of All Students. In A. Anderson (Ed.), *Mainstreaming Digest* (pp. 109-113). College Park: University of Maryland Press.

McNiff, J. (1988). *Action Research: Principle and Practice*. London: Routledge.

Mok, S. S. (2008). Murid dan Alam Belajar. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Nora' Azian Nahar (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies, 19*(1), 107 – 123.

Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw Hill.

Phan, M.H & Do, T.M.L (2021). Using Think Pair Share Strategy to support Students in Speaking Lessons. Journal of English Language Teaching and Applied Lingusistics, 3(4), 1-8.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ridha Riana & Husaini (2022). Application of Think Pair Share (TPS) Cooperative Learning Model Assisted by Ludo Media in History Learning Clas XI Social science at Senior High School. *History Educational Journal of History and Humanities, 5*(1), 14-24.

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: F.H Freeming Harizons.

Slavin, R. (1995). *Cooperative learning (2nd ed)*. Boston: Allyn & Bacon

Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd

Tschamen-Moran, M & Gareis, C.R (2004). Principle's sense of efficacy: Assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration, 42*(5), 573 – 585.

Vyotsky, L. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes.* Cambridge: Harvard University Press.

Yong, K.S & Faridah Mydin Kutty. (2020). Keberkesanan aplikasi Coggle dalam meningkatkan pencapaian sejarah Tingkatan 6 bagi topik "Perluasan Kuasa Barat di China" di SMK Selinik Kapit. *Jurnal Dunia Pendidik, 2*(1), 11-30.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).